

# Cagamas muktamad terbitan bon RM1.5b

**Cagamas** Bhd mengumumkan kejayaan pemuktamadan terbitan agregat Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) bernilai RM1.5 bilion.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Chung Chee Leong, berkata terbitan itu merangkumi dua ‘tranche’ bagi CMTN dua tahun.

“Terbitan RM700 juta itu dimuktamadkan menerusi tawaran persendirian, manakala ‘tranche’ kedua RM800 juta di-

kendalikan menerusi proses penetapan harga dengan persetujuan penjual dan pembeli yang ditingkatkan kepada RM800 juta daripada saiz awal RM500 juta,” katanya dalam satu kenyataan.

Langkah itu menjadikan terbitan agregat syarikat pada tahun ini berjumlah RM5.9 bilion dan hasilnya akan digunakan untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan daripada sistem kewangan.

“Langkah itu menarik saiz

tempahan sebanyak RM925 juta daripada pelbagai kumpulan pelabur domestik dan luar pesisir yang membolehkan syarikat menutup hasil akhir pada 2.50 peratus daripada panduan harga awal 2.55 peratus, mencatatkan sebaran 44 mata asas berbanding Sekuriti Kerajaan Malaysia,” katanya.

Beliau berkata, langkah penentuan harga bagi terbitan terkini itu dimuktamadkan di pasaran yang agak lemah selepas cuti Ai-

dilfitri dan menerima sokongan yang memberangsangkan daripada pelabur.

Kertas-kertas itu yang akan ditebus pada nilai nominal penuh selepas kematangan, adalah obligasi tidak bercagar syarikat yang setara dengan semua obligasi tidak bercagar lain sedia ada syarikat itu.

Ia akan disenaraikan dan diniagakan di bawah Sistem Dagangan Sekuriti Tanpa Skrip.

BERNAMA

‘Langkah itu menarik saiz tempahan sebanyak RM925 juta daripada pelbagai kumpulan pelabur domestik dan luar pesisir’

**Chung Chee Leong,**  
Presiden  
dan Ketua  
Pegawai Eksekutif  
Cagamas

